

APPENDICES

APPENDIX I: PERMISSSION LETTER



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Fakulti Pengurusan dan Kepimpinan (FKP)
Tel: 06-798 8403/8245 Fax: 06-798 8244/8252

Rujukan: USIM.600-2/1/13
Tarikh: 14 Ramadhan 1445H/ 25 Mac 2024

Bahagian Pengurusan Daerah,
Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul
Jalan Sultan Azlan Shah
51200 Sentul Kuala Lumpur

Assalamualaikum w.b.t / Salam Sejahtera

Tuan,

PERMOHONAN UNTUK MENTADBIR SOAL SELIDIK BERKAITAN KEPUASAN KERJA

NAMA : NOR HASWANI BINTI SULAIMAN
NO MATRIK : 3221145
BIDANG : KAUNSELING PENYALAHGUNAAN DADAH

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar seperti nama di atas merupakan pelajar Sarjana Kaunseling Penyalahgunaan Dadah (SPADA) di bawah penyeliaan Dr Nurhafizah Binti Mohd Sukor. Beliau kini sedang menjalankan projek penyelidikan yang bertajuk "EMPLOYER SUPPORTIVE BEHAVIOR AND JOB SATISFACTION AMONG POLICE OFFICER IN IPD SENTUL, KUALA LUMPUR".

3. Sehubungan dengan itu, pihak kami ingin memohon kebenaran untuk membuat edaran soal selidik dalam kalangan Pegawai Polis di IPD Daerah Sentul bagi tujuan pengumpulan data kajian tersebut. Untuk makluman Tuan, semua maklumat yang diberikan adalah sulit untuk kegunaan kajian ini sahaja dan bukannya untuk sebaran umum.

4. Pihak kami berharap agar permohonan ini mendapat sokongan dan pertimbangan yang sepenuhnya daripada pihak Tuan. Jika mempunyai sebarang pertanyaan, penyelidik boleh dihubungi di talian +6019-5034001 atau email haswani20273@gmail.com. Kerjasama dan perhatian dari pihak Tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. NOR HAMIZAH AB RAZAK)
Penyelaras SPADA
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
Universiti Sains Islam Malaysia

DR. NOR HAMIZAH AB RAZAK
F. Spada

Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa

Knowledgeable, Disciplined and Devout



Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai,
Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia.
Tel: (+6)06 - 798 8000 | Faks: (+6)06-798 8204 | www.usim.edu.my

APPENDIX II: RESEARCH QUESTIONNAIRES



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
 جَامِعَةُ الْعُلُومِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْمَالِيزِيَّةِ
 ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

SOAL SELIDIK KAJIAN

SURVEY TINGKAH LAKU KEPIMPINAN DAN KOMITMEN

PEKERJA

Soal selidik ini dijalankan untuk mengukur tingkah laku kepimpinan dan komitmen pekerja dalam kalangan pegawai polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul. Melalui soal selidik ini, pengkaji dapat mengenalpasti tingkah laku kepimpinan dan komitmen pekerja dalam kalangan pegawai polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul. Kajian ini penting untuk memenuhi keperluan pengajian peringkat Sarjana Kaunseling Penyalahgunaan Dadah di Universiti Sains Islam Malaysia.

Soal selidik ini terdiri daripada TIGA (3) bahagian untuk dijawab oleh responden. Bahagian pertama soal selidik ini berkaitan dengan maklumat demografik responden. Bahagian kedua soal selidik pula berkaitan dengan pandangan pegawai polis terhadap tingkah laku kepimpinan. Bahagian ketiga pula berkaitan dengan komitmen pekerja pegawai polis.

Tiada jawapan benar atau salah bagi setiap pernyataan yang dinyatakan. Anggaran masa untuk menjawab soalan kajian adalah selama 10 minit sahaja. Semua maklumat dan respon yang diberikan akan dijaga sebagai maklumat SULIT. Saya berharap anda memberikan jawapan dengan jujur dan ikhlas terhadap pernyataan yang dinyatakan. Kesanggupan dan kerjasama anda untuk menjawab soal selidik ini amat dihargai.

Terima kasih.

BAHAGIAN 1: MAKLUMAT DEMOGRAFI RESPONDEN

Arahan : Bahagian ini adalah bahagian maklumat demografi responden. Sila tandakan (/) pada ruangan yang disediakan.

Perkara	Kategori	Tanda (/)
Jantina	Lelaki	
	Perempuan	
Umur	20-25 tahun	
	26-30 tahun	
	31-35 tahun	
	36-40 tahun	
	40 tahun ke atas	
Agama	Islam	
	Budha	

	Hindu	
	Kristian	
	Lain-lain	
Bangsa	Melayu	
	Cina	
	India	
	Lain-lain	
Pangkat	Konst-Kpl	
	Sjn-Sub Insp	
	Insp - ASP	
	DSP-ACP	
	SAC ke atas	

Tempoh lama bekerja	1-5 tahun	
	6-10 tahun	
	11-15 tahun	
	16-20 tahun	
	20 tahun ke atas	

BAHAGIAN 2: TINGKAH LAKU KEPIMPINAN

Arahan : Pernyataan di dalam bahagian ini berkaitan dengan tingkahlaku kepimpinan. Sila tandakan (/) pada ruangan yang disediakan. Terdapat (23) soalan pada bahagian ini.

Responden diminta untuk memberikan respon terhadap pernyataan yang

dinyatakan dengan respon berikut:-

Bil	Pernyataan	1 Sangat Tidak Setuju	2 Tidak Setuju	3 Kurang Setuju	4 Setuju	5 Sangat Setuju
1	Majikan amat menitikberatkan prestasi semasa organisasi dan sentiasa berusaha					

	untuk mencapai matlamat organisasi yang telah ditetapkan					
2	Apabila pendapat anda dan majikan digabungkan, ia akan membantu organisasi untuk menyelesaikan masalah dengan lebih berkesan.					
3	Majikan memberikan kerjasama dalam melakukan sesuatu kerja.					
4	Majikan akan terus dipercayai dan yakin dengan anda apabila anda mampu melaksanakan kerja dengan sempurna.					
5	Anda sentiasa bersedia dan mempunyai komitmen yang tinggi dalam menghadapi pelbagai situasi kerja yang bakal diberikan oleh majikan.					
6	Majikan akan sentiasa menggalakkan anda untuk meningkatkan prestasi kerja.					

7	Majikan mempunyai sifat lebih bertimbang rasa dan sentiasa menghormati pendapat anda dengan memberikan kerjasama dalam melakukan sesuatu kerja.					
8	Majikan mempunyai kemampuan untuk mempengaruhi dan memberikan petunjuk kepada anda untuk mencapai matlamat organisasi.					
9	Majikan sentiasa yakin bahawa anda mampu melakukan tugas yang diberikan untuk mencapai matlamat organisasi.					
10	Majikan akan turut menyertai dan terlibat dalam setiap program yang dijalankan oleh organisasi.					
11	Majikan sentiasa menjaga hubungan baik dengan anda untuk memastikan peningkatan pencapaian secara berterusan.					
12	Majikan memahami dengan jelas tentang peranan dan sumbangan mereka sebagai seorang					

	pemimpin untuk mencapai objektif organisasi.					
13	Anda lebih mudah untuk mendekati majikan kerana mereka bersifat mesra dan peramah.					
14	Majikan sentiasa memberikan sokongan kepada anda dan memberikan pertimbangan dalam melakukan sebarang tugas atau kerja yang diberikan.					
15	Majikan akan memberikan arahan apabila anda mendapat sesuatu tugas yang rumit.					
16	Majikan anda sentiasa menjelaskan jangkaan yang bakal dihadapi, memberikan tugas yang khusus kepada anda dan menetapkan prosedur yang anda harus lakukan.					
17	Majikan mampu mempengaruhi anda untuk membentuk satu budaya baru dalam organisasi untuk mendapatkan hasil kerja yang diinginkan.					
18	Apabila hasil kerja kumpulan kurang					

	memuaskan, majikan akan sentiasa membantu dengan memberikan sokongan moral dan memberikan motivasi supaya anda lebih bersemangat.					
19	Majikan sentiasa memberikan arahan yang sepatutnya kepada anda seperti skop tugas kerja dan garis panduan dalam melakukan kerja.					
20	Majikan sentiasa menetapkan matlamat yang mencabar dan memberikan jangkaan yang tinggi kepada anda.					
21	Anda melihat majikan sebagai satu model utama untuk anda meningkatkan motivasi diri dan produktiviti kerja.					
22	Majikan sentiasa menggalakkan anda untuk terlibat dalam proses membuat keputusan dan membenarkan anda untuk memberikan pendapat atau pandangan semasa perbincangan diadakan.					

23	Majikan anda seorang yang tegas dan tidak mengambil kira pandangan atau pendapat anda.						
24	Majikan mampu mempengaruhi kehendak anda untuk melakukan sesuatu kerja.						
25	Majikan anda tidak suka melakukan perbincangan dengan anda dan beliau hanya memberikan arahan yang anda harus ikuti.						

BAHAGIAN 3: KOMITMEN PEKERJA

Arahan : Pernyataan di dalam bahagian ini berkaitan dengan komitmen pekerja. Sila tandakan (/) pada ruangan yang disediakan. Terdapat (15) soalan pada bahagian ini.

Responden diminta untuk memberikan respon terhadap pernyataan yang dinyatakan dengan respon berikut:-

BIL	PERNYATAAN	1	2	3	4	5	6
1.	Organisasi lain tidak sebaik organisasi ini						

2.	Suka memberitahu orang lain mengenai di mana saya bekerja						
3.	Sanggup berkorban untuk kebaikan organisasi						
4.	Ingin menumpukan seluruh karier saya di organisasi ini						
5.	Pertentangan pendapat antara saya dan organisasi ditangani secara konstruktif / membina						
6.	Berusaha sebaik mungkin dalam tugas yang dipertanggungjawabkan						
7.	Sentiasa rela hati melaksanakan arahan organisasi						

8.	Memikirkan tentang kepentingan organisasi di atas setiap tindakan yang diambil						
9.	Berasa berat hati untuk meninggalkan organisasi						
10.	Memaklumkan kepada organisasi sekiranya saya melakukan kesilapan besar						
11.	Suka memakai pakaian atau barang yang memaparkan nama atau lambang organisasi						
12.	Organisasi saya adalah yang terbaik dalam memberikan perkhidmatan						

13.	Saya tentu merasa tidak puas hati bekerja di tempat lain berbanding organisasi saya						
14.	Saya meletakkan seluruh jiwa raga saya terhadap pekerjaan saya						
15.	Banyak keperluan professional / pekerjaan saya dipenuhi di organisasi ini						

Skala Likert: 1-Amat Tidak Setuju 2-Sederhana Tidak Setuju 3- Sedikit Tidak Setuju 4- Sedikit Setuju 5- Sederhana Setuju 6-Amat Setuju.